



**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM e-STREAM TABIKA KEMAS  
TAHUN 2018  
TARIKH : 11 OKTOBER 2018 (KHAMIS)  
BERTEMPAT TABIKA KEMAS AL-GHAZALI  
CHABAU , MELAKA**

**FACT SHEET**

STREAM merupakan penambahan kepada model pembelajaran sedia ada yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Pelaksanaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Rina Mohd Harun pada lawatan kerja pertama ke Tabika KEMAS di Olak Lempit pada 07 Jun 2018 telah mengumumkan bahawa KEMAS akan melaksanakan Pendidikan '**Science, Technology, Religion, Engineering, Arts** dan **Mathematics**' (STREAM) melalui pendekatan "belajar sambil bermain" yang bertujuan meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri kanak-kanak Tabika KEMAS sebagai persediaan memasuki Tahun Satu persekolahan. Ianya dilaksanakan setelah mengambilkira perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masakini.

Melalui kerjasama pintar bersama pakar akademik dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Badan NGO seperti Persatuan Pertubuhan Sekolah Belantara

Malaysia serta pihak swasta CECD Group of Education (CACHE UK) telah berjaya menghasilkan pembinaan Modul e-STREAM ini.

Ini bermakna gaya pengajaran di TABIKA KEMAS pada masa akan datang akan lebih bersifat interaktif dengan peralatan ICT yang sesuai dengan model e-STREAM ini.

Projek rintis ini bermula di Tabika KEMAS Al-Ghazale Chabau Melaka yang akan dijenamakan sebagai TABIKA KEMAS PINTAR STREAM Chabau Melaka yang bertemakan pendidikan “Aviation Model”.

Struktur bangunan Tabika KEMAS ini seakan-akan bentuk pesawat dengan dilengkapi ruang kokpit dalam pesawat di salah satu sudut pembelajaran dalam Tabika. Simulator cabin pesawat juga dibina yang diwujudkan serta susun atur kelas berkonsepkan “open space” menambahkan lagi keunikan program stream di Tabika KEMAS.

Selain itu juga didirikan Pusat Menara Kawalan seakan-akan berada di lapangan terbang di perkarangan Tabika ini.

KEMAS turut menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

KEMAS dalam Perancangan Jangka Panjang (2018-2023) akan memperluaskan tema pembelajaran e-STREAM ini seperti Model Astronomi, Marin , *Oil and Gas* , Kesihatan , Robotik dan Automotif di beberapa TABIKA KEMAS sebagai projek rintis mulai tahun hadapan bagi mendepani cabaran di masa akan datang.

## MAKLUMAT TAMBAHAN TABIKA dan TASKA KEMAS

Sehingga Mei 2018, terdapat seramai 220,300 orang kanak-kanak yang telah mendaftar ke Tabika KEMAS (usia 4 - 6 tahun) dan seramai 9,450 orang kanak-kanak yang telah mendaftar ke Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA KEMAS usia 2 – 4 tahun) di seluruh Malaysia.

Jumlah kelas Tabika KEMAS yang beroperasi adalah sebanyak 11,119 buah dan kelas Taska KEMAS adalah sebanyak 505 buah.

Jumlah Pemaju Masyarakat (PM) Tabika KEMAS adalah seramai 11,065 orang dan PM Taska seramai 1,593 orang.

### **Disediakan oleh :**

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Kemajuan Masyarakat KEMAS  
11 Oktober 2018